

05 JUL 2003

MTRK-Mahathir

MTRK SANJUNGI PERANAN DR MAHATHIR SELAKU WIRA UMAT MELAYU

KOTA BAHARU, 5 Julai (Bernama) -- Sebuah badan bukan kerajaan, Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) hari ini menyatakan sokongan dan penghargaan terhadap setiap sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang menjadi Perdana Menteri sejak 1981 hingga layak bergelar "Wira umat Melayu dan dunia abad ini".

Perkara itu dinyatakan dalam perisytiharan yang dibacakan oleh Presiden MTRK Datuk Ibrahim Ali pada akhir kursus Jati Diri Kepimpinan anjuran MTRK di sini hari ini dan turut diperakui oleh kesemua 899 peserta kursus itu.

Perisytiharan itu turut menyatakan keyakinan terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal mengambil alih pucuk pimpinan negara dan parti apabila Dr Mahathir melepaskan kesemua jawatannya selepas Oktober ini.

Perisytiharan empat muka surat itu antara lain menghargai sumbangan Dr Mahathir dalam mempertingkatkan pembangunan dan ekonomi negara hingga Malaysia menjadi maju berteraskan kepada industri dan teknologi maklumat.

Selain berjaya mengangkat nama negara di peringkat antarabangsa serta menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang menjadi contoh kepada negara Islam lain, Perdana Menteri turut bertindak mewujudkan perpaduan kaum di negara ini, menurutnya.

"MTRK menyanjungi sumbangan Dr Mahathir yang telah memberi sumbangan kepada pembangunan Kelantan walaupun Kelantan di bawah parti pembangkang," menurut perisytiharan itu.

Bagi mengenang segala jasa Perdana Menteri, MTRK berharap kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Abdullah selepas Oktober ini, mewujudkan suatu jawatan "yang berwibawa dan berkesan kepada Dr Mahathir supaya beliau dapat memainkan peranan, terutama di peringkat antarabangsa".

"Ini kerana Dr Mahathir masih berkemampuan dan peranan beliau sangat-sangat dikehendaki oleh negara-negara Islam, negara-negara membangun dalam menghadapi era globalisasi yang penuh dengan cabaran dan tekanan kuasa besar.

"Juga bagi menangani isu-isu keganasan antarabangsa dan tanggapan salah oleh barat terhadap Islam dan negara-negara Islam," menurut MTRK.

MTRK juga menyatakan sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepada Abdullah yang bakal menggantikan Dr Mahathir dalam menerajui negara.

Abdullah sebagai pemimpin yang telah teruji dan berpengalaman mampu menjadi Perdana Menteri yang disegani sesuai dengan tindakannya yang berlandaskan prinsip kepimpinan Islam, mementingkan keadilan dan perpaduan, bersifat kesederhanaan, tegas serta tidak mempunyai sifat pendendam.

"MTRK juga yakin Abdullah akan terus berjuang untuk mengubah nasib rakyat Kelantan dan mampu menangani golongan yang memperlatah agama untuk kepentingan politik dan peribadi, serta golongan ekstremis yang boleh memecahbelahkan umat Islam dan menggugat kestabilan dan keamanan negeri".

-- BERNAMA

RAR RHM